



TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE (DEVELOPMENT)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
Public Service Department of Malaysia (PSD)
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-88853002
Faks (Fax): 603-88892639
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my
E-mel (E-mail): jalii@jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.SARAAN(S)1619 Jld.18(44)

Tarikh : 12 Jun 2015

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg./YB Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/
Tuan/Puan,

WAKTU BEKERJA PADA BULAN RAMADHAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg./YB Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan sedia maklum, **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 - Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat Di Semua Agensi Kerajaan Persekutuan** berkuat kuasa **1 Jun 2007** telah menetapkan pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) kepada semua agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara. WBB terdiri daripada tiga (3) Waktu Peringkat (WP) iaitu WP1, WP2 dan WP3.

3. Dalam perihal ini, pegawai-pegawai Kerajaan seharusnya menjalankan tugas seperti biasa sama ada dalam bulan Ramadhan atau dalam bulan-bulan yang lain.

4. Sehubungan itu, waktu bekerja pada bulan Ramadhan adalah sepertimana yang ditetapkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010 dan Surat Edaran JPA(S)371/4Klt.4(20) bertarikh 18 Disember 2013 yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' JALIL BIN MARZUKI)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

☎ 03-88853002

✉ jalil@jpa.gov.my